

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 MEI 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	TPM mahu MOSTI iktiraf pengamal media	Berita Harian
2	Funds for two disaster management agencies	New Straits Times
3	Guna 'Gateway' tunggal	Berita Harian

TPM mahu MOSTI iktiraf pengamal media

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengiktiraf pengamal media yang menyumbang dalam perkembangan sains, teknologi dan inovasi menerusi Anugerah Inovasi Negara (AIN) pada tahun hadapan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, peranan petugas media perlu diperakui dalam agenda sains, teknologi dan inovasi kerana golongan itu membangunkan idea berbentuk produk, perkhidmatan atau model memenuhi keperluan sosial.

“Mengambil kira peranan media yang penting dalam memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi negara, saya ingin mencadangkan agar MOSTI, mulai tahun hadapan, mewujudkan kategori khas di bawah AIN bagi menghargai wartawan atau media yang turut menyumbang dalam agenda sains, teknologi dan inovasi negara.

“Saya mencadangkan kepada MOSTI supaya AIN diperluaskan mulai tahun hadapan kepada kategori inovasi sosial,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis AIN 2015 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, malam tadi.

Funds for two disaster management agencies

KUALA LUMPUR: The Meteorological Services Department received RM67 million while the Malaysian Remote Sensing Agency (MRSA) was given RM4.2 million in an effort to upgrade the nation's disaster management delivery system.

Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the Science, Technology and Innovation Ministry was tasked with upgrading the system and that the government had approved the grant. This was important after the twin Malaysia Airlines tragedies and the catastrophic floods that hit the country last year, he added.

"These incidents make us realise that even with all the superior technology available in the world, we still have not come around to making sense of the tragedies," he said at the National Innovation Awards 2015 here.

Muhyiddin also commended the MRSA, the Met Department and Aeronautics Technology Sdn Bhd in their search for Flight MH370 and the Chemistry Department for their DNA analyses of Flight MH17 victims.

He said the Science, Technology and Innovation Ministry's agenda was to tap into international networking and cooperation.

Pasir Mas Hospital in Kelantan won the ministry's services award while Eclimo Sdn Bhd took home the product award. Each received RM50,000.

Eksklusif

Guna 'Gateway' tunggal

» Malaysia perlu ubah polisi keselamatan siber negara

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kewujudan pintu masuk jalur lebar yang banyak dan dikendalikan penyedia perkhidmatan internet (ISP) menyukarkan negara menangkis serangan siber dari luar.

Berbeza dengan negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) yang hanya mempunyai satu 'Gateway' (pintu masuk) ke dalam jaringan internetnya, Malaysia pula terdedah kepada serangan luar kerana pintu masuk internetnya dikendalikan beberapa ISP.

Analoginya, Malaysia seperti sebuah rumah yang mempunyai banyak pintu keluar masuk, sekali gus meningkatkan ancaman risiko serangan siber daripada luar.

Naib Pengerusi Khidmat Tindak Balas CyberSecurity Malaysia, Dr Aswami Ariffin, berkata kehadiran syarikat asing, termasuk dalam industri minyak dan gas, dengan 'Gateway' masing-masing turut meningkatkan risiko serangan siber ke atas Malaysia.

Katanya, CSM berharap ke-



Keratan akhbar muka depan BH semalam.

rajaan memandang serius isu ini dan mengubah polisi keselamatan siber negara dengan menggunakan 'Gateway' tunggal atau meletakkan 'pengawal keselamatan siber' (firewall) di setiap pintu masuk itu.

Gubal undang-undang

"Jika tidak dilakukan begini, serangan yang berjaya disekat melalui satu pintu masuk boleh masuk melalui pintu lain. Segala pertahanan keselamatan akan menjadi sia-sia.

"Untuk jangka panjang, kita juga perlu gubal satu undang-undang khusus yang lebih terperinci mengenai serangan siber ini. Langkah segera mesti diambil misalnya melalui agensi sedia ada seperti CSM," katanya kepada BH.

BH semalam mendedahkan 365,486 rangkaian robot server komputer yang berhubung antara satu sama lain dalam internet dikesan berada dalam sistem rangkaian komputer negara dan bersedia menjadikan Malaysia sebagai sasaran serangan.

Robot server yang dikenali sebagai botnet adalah jaringan robot yang bukan saja menggodam dan mencuri maklumat, malah boleh mengambil kawalan sesebuah rangkaian komputer.

Aswami berkata, berbanding ancaman keselamatan konvensional ke atas sesebuah negara seperti menggunakan jalan darat, laut dan udara yang nyata, ancaman siber adalah lebih kritikal kerana sukar diduga dan tidak

dapat dilihat.

"Jika berlaku peperangan siber semua kekuatan darat, udara dan laut negara boleh dilumpuhkan dengan hanya menekan satu butang. Oleh kerana pertahanan adalah ketutamaan tertinggi, maka sudah tentu kerajaan perlu memastikan serangan tidak berlaku dengan meningkatkan keupayaan pertahanannya," katanya.

Aswami berkata, Malaysia juga tidak boleh terlalu bergantung kepada kepakaran asing untuk mempertahankan diri.

"Kepakaran siber kita adalah setanding dengan kepakaran negara maju seperti AS, jadi kita menggunakan kelebihan itu untuk mengukuhkan pertahanan siber kita," katanya.